

23 FEB 2003

NAM-Timor Leste/I

TIMOR LESTE YAKIN NAM DIPIMPIN KL

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) -- Timor Leste, yang akan menyertai Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) esok beserta Saint Vincent and the Grenadines, yakin bahawa Malaysia boleh memimpin pergerakan itu meskipun selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersara Oktober ini.

Menteri Luarnya, Dr Jose Ramos Horta, hari ini berkata persaraan Dr Mahathir tidak akan menjejaskan pergerakan berkenaan memandangkan beliau masih berupaya meneruskan kepimpinannya bersama Perdana Menteri yang baru dan keseluruhan barisan kepimpinan di Malaysia.

"Apabila beliau mengundurkan diri, Dr Mahathir mungkin tidak perlu menyelesaikan urusan seharian negara ini, boleh itu beliau berupaya memberikan masa yang lebih kepada NAM," katanya kepada sidang media di kedutaan Timor Leste di sini.

Dr Horta berkata NAM, terutamanya semasa Malaysia memegang jawatan pengerusi, akan menjadi lebih berjaya dan penting kepada negara-negara sedang membangun.

"Dr Mahathir begitu terkenal dan dihormati oleh setiap orang di Dunia Ketiga. Sungguhpun beberapa negara kaya mungkin tidak begitu meminati Perdana Menteri, (tetapi) mereka masih menghormati beliau.

"Malah mereka yang ada kalanya marah dengan cara Dr Mahathir bercakap dan membuat pendedahan pun tidak boleh berdebat mengenai kejayaan Malaysia," kata Dr Horta.

Beliau berkata sebagai sebuah negara Islam, Malaysia dapat memimpin NAM dengan baik dalam dialog keagamaan dan peradaban.

Katanya sungguhpun kepentingan dan hubungan NAM dipersoalkan selepas berakhirnya Perang Dingin, sebahagian besar anggotanya percaya NAM masih mempunyai peranan untuk dimainkan dalam menggembeleng kekuatan yang sepadu dan mendesak untuk agenda yang baru.

"Untuk bergabung sebagai satu pasukan mungkin tidak sukar bagi para pemimpin NAM memandangkan mereka memahami peraturan hubungan antarabangsa," kata beliau lagi.

Beliau berkata banyak negara Dunia Ketiga menggesa pembasmian kemiskinan, meningkatkan bantuan pembangunan dan membuka pasaran baru di negara-negara kaya adalah penting bagi melindungi diri dari peningkatan golongan pelampau.

"Keanggotaan golongan pelampau meningkat kerana mereka tidak mempunyai pandangan lain untuk didengar memandangkan mereka tidak berpendidikan, tidak diberikan maklumat dan oleh itu mereka senang untuk dipergunakan," kata beliau lagi.

-- BERNAMA

RT MAM JK ROS